



Rabu
29 Julai 2026
14 Safar 1448H

Utusan Borneo

PPK 220/12/2012 (031414)

Citra Generasi Prihatin



Projek dua loji air dijangka atasi gangguan bekalan air

SAFMA terkenal Program Ikan Rakyat Sabah

Amman bukti bakat Griller Sabah terserlah di Nando's

De Zerbi idamkan Tottenham berkualiti

Email: utusanborneo@gmail.com

JALAN LOK KAWI-KINARUT DINAIK TARAF

● Projek dari Bulatan Sabindo ke SMK Kinarut bernilai RM70.6 juta dijangka mengurangkan kesesakan lalu lintas, meningkatkan keselamatan pengguna: Hajiji

PAPAR: Projek menaik taraf Jalan Lok Kawi dari Bulatan Sabindo ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kinarut di sini yang bernilai RM70.6 juta, dijangka mengurangkan kesesakan lalu lintas dan meningkatkan keselamatan pengguna di Koridor Lok Kawi-Pengalat-Papar yang semakin pesat membangun.

Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor berkata, projek itu membuktikan komitmen berterusan kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam memperkukuh pembangunan infrastruktur jalan raya di Sabah.

Beliau berkata, Koridor Lok Kawi-Pengalat-Papar kini menjadi antara kawasan yang berkembang pesat dengan pertambahan kawasan perumahan, premis kerajaan, sekolah dan produk pelancongan.

Katanya, perkembangan itu menyebabkan

peningkatan jumlah trafik sehingga menimbulkan kesesakan terutama pada waktu puncak, sekali gus menjadi antara keluhan utama pengguna jalan raya di kawasan berkenaan.

"Sebagai kerajaan, kita sentiasa berusaha merancang dan melaksanakan pembangunan yang memberi manfaat serta meningkatkan kesejahteraan rakyat," katanya ketika berucap semasa Majlis Pecah Tanah Projek Naik Taraf Jalan Lok Kawi dari Bulatan Sabindo ke SMK Kinarut, di sini, semalam.

Hajiji berkata, projek sepanjang 1.3 kilometer itu melibatkan penaklakan jalan daripada dua lorong kepada empat lorong dua hala dan keluasan projek berkenaan membuktikan suara dan keperluan mobility rakyat Sabah sentiasa diberi perhatian oleh kerajaan.

Katanya, skop projek itu bukan sekadar melibatkan pelebaran jalan, malah turut memberi penekanan

kepada aspek keselamatan pengguna.

"Antara kemudahan yang disediakan ialah pembinaan jejakkan pejalan kaki, laluan berbumbung ke sekolah, hentian bas serta perlindungan motosikal yang akan memberi manfaat kepada murid, pejalan kaki dan pengguna jalan raya," katanya.

Dalam pada itu, Hajiji memberi jaminan kerajaan negeri akan memberikan kerjasama penuh dalam urusan pengambilan tanah dan pengalihan utiliti bagi memastikan projek dapat dilaksanakan dengan lancar.

Beliau berkata, semua jabatan dan agensi utiliti yang terbabit perlu bertindak pantas menyelesaikan sebarang isu teknikal supaya projek dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

"Kita tidak mahu kerena birokrasi menjadi penghalang kepada pelaksanaan projek yang amat penting ini.



RASMI: Hajiji menyempurnakan simbolik perasmian Pecah Tanah Projek Naik Taraf Jalan Lok Kawi dari Bulatan Sabindo ke SMK Kinarut, semalam.

"Kerjasama erat antara agensi Persekutuan dan negeri perlu diperkukuhkan bagi memastikan kejayaannya," katanya.

Hajiji berkata, pembangunan infrastruktur jalan raya yang cekap dan selamat adalah tunjang kepada pertumbuhan sosioekonomi, selain mampu merangsang pelaburan dan

sektor pelancongan.

Beliau yakin projek itu akan mengurangkan masa perjalanan, meningkatkan keselamatan dan merencanakan aktiviti ekonomi di daerah Papar seiring dengan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ).

Katanya, Papar kini menunjukkan payah ketara hasil pelaksanaan

pelbagai projek infrastruktur dan komersial, malah berpotensi menjadi lokasi persinggahan utama pelawat dari Brunei dan Sarawak apabila Lebuhraya Pan Borneo siap sepenuhnya kelak.

Hajiji turut mengumumkan kelulusan Projek Jambatan yang Papar Kedua yang

menghubungkan Kampung Buang Sayang ke Pekan Papar; Kerja Kecemasan Penambakan Batu Tebing Tanah sepanjang tebing Sungai Intake Gopogon serta Kerja-Kerja Perlindungan Tebing Sungai yang dipohon oleh Ahli Parlimen Papar, Datuk Arman Mohd Ali untuk kemudahan dan kepentingan rakyat Papar.

Kerjasama teknologi perlu beri impak nyata kepada Sabah

Oleh Hamzah Sanudin

KOTA KINABALU: Kerjasama teknologi di Sabah perlu menghasilkan peningkatan yang boleh diukur dari segi produktiviti, kemahiran tempatan dan peluang pekerjaan bagi memastikan sumbangannya terhadap ekonomi negeri benar-benar bermakna.

Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Panglima Masidi Manjun berkata, transformasi digital tidak seharusnya sekadar mengguna pakai teknologi tanpa matlamat yang jelas.

Namun katanya, ia perlu menyelesaikan masalah operasi secepat dan mewujudkan nilai kepada organisasi serta masyarakat.

"Keberkesanan teknologi perlu diukur berdasarkan peningkatan dalam produktiviti, tabir urus, kualiti perkhidmatan dan daya tahan perniagaan,"



KERJASAMA: Masidi menandatangani Memorandum Perjanjian antara Sri Komputer Sdn Bhd dan Infor (Malaysia) Sdn Bhd, semalam.

katanya.

Beliau berkata denikian ketika berucap pada majlis penandatanganan Memorandum Perjanjian antara Sri Komputer Sdn Bhd dan

Infor (Malaysia) Sdn Bhd di sini, semalam.

Masidi berkata, teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), pengkomputeran awan, analitik data dan

automasi berupaya membantu perniagaan di Sabah beroperasi dengan lebih cekap, mengurus kos serta memperkukuh rantai bekalan.

Menurutnya, teknologi berkenaan turut membolehkan organisasi membuat keputusan lebih tepat berdasarkan maklumat yang tersedia.

Bagaimanapun, beliau mengemukakan proses pendigitalan perlu bergerak seiring dengan aspek keselamatan siber, perlindungan data, ketahanan, akauntabiliti dan pengawasan manusia.

"Teknologi seharusnya memperkukuh pertimbangan yang baik, bukannya menggantikan," katanya.

Dalam pada itu, Masidi berkata, kerjasama antara penyedia teknologi antarabangsa dan syarikat tempatan mampu menggabungkan kepakaran global dengan pengetahuan mengenai persekitaran operasi serta keperluan pelanggan di Sabah.

◆ **UthirMuker7**

Remaja maut motosikal terbabas dalam parit

Oleh Hamzah Sanudin

TAWAU: Seorang remaja lelaki maut selepas motosikal ditungganginya terbabas dalam kejadian di Kampung Tinagat, di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 10.50 pagi itu, mangsa berusia 16 tahun maut di lokasi kejadian akibat kecederaan parah.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tawau, Jemishin Ujin berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan melalui talian MERS 999 pada jam 10.59 pagi.

Katanya, sepasukan empat anggota bersama sebuah jentera Compact Fire Rescue Tender (CFRT) digerakkan ke lokasi yang terletak kira-kira 18 kilometer dari mangsa sebelum tiba pada jam 11.12 pagi.



OPERASI: Pasukan bomba mengangkut mangsa sebelum menyerahkannya kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.

◆ **UthirMuker7**

Kanak-kanak perempuan hilang ditemukan selamat

Oleh Vici Oltiana Najurus

KOTA KINABALU: Kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun yang dilaporkan hilang selepas tidak hadir ke sekolah pada Isnin ditemukan selamat di kawasan Inanam, semalam.

Selaka seorang ahli keluarga yang enggan dikenali membuat hantaran di media sosial memaklumkan kanak-kanak terbabas sudah ditemukan dan kini berada dalam jagaan polis bagi bantuan selak lanjut.

Individu itu juga menyatakan penghargaan dan berterima kasih dengan keprihatinan pihak polis serta pengumuman media sosial yang sama-sama membantu menyalurkan maklumat sehingga pelajar ini

ditemukan dengan selamat.

Namun beliau belum menjelaskan punca sebenar kejadian itu.

Terdahulu, laman rasmi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Kinabalu mengemukakan kenyataan berhubung kehilangan kanak-kanak pada 27 Julai selepas dihantar ke hadapan sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di Likas kira-kira jam 5.55 pagi untuk ke sekolah.

Bagaimanapun, semakan mendapati kanak-kanak itu tidak hadir ke sekolah sebelum laporan orang hilang dibuat oleh ahli keluarga.

Kes kehilangan itu kemudian mendapat perhatian orang ramai selepas polis mengeluarkan bebahan bagi mengesan keberadaan mangsa.

Bayi dua bulan disyaki didera, pasangan warga asing ditahan

Oleh Hamzah Sanudin

TAWAU: Sepasang warga asing ditahan polis selepas disyaki terbabit dalam kes penderaan terhadap seorang bayi perempuan berusia dua bulan di Batu 8, Jalan Ayas, di sini, semalam.

Pemangku Ketua Polis Daerah Tawau, Superintenden Wilynton Enchana Watt berkata, kes itu terbongkar selepas seorang doktor yang bertugas di Jabatan Kecemasan Hospital Tawau membuat laporan polis berhubung kecederaan yang dialami bayi berkenaan.

Katanya, bayi itu dibawa mendapatkan rawatan oleh pasangan terbahis bersama nenek mangsa selepas mendakwa mangsa terjatuh.

"Bagaimanapun, hasil pemeriksaan mendapati bayi berkenaan mengalami kesan lebam di dahi kiri, kesan gigitan pada pipi kanan serta bengkok di bahagian belakang kepala.



WILYNTON

"Doktor kemudian dimaklumkan oleh nenek mangsa, kecederaan itu dipercayai berpunca daripada perbuatan kedua-dua suspek sebelum laporan polis dibuat untuk siasatan lanjut," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, susulan laporan berkenaan, sepasukan anggota Bahagian Siasatan Jenayah (BSJ), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tawau menahan seorang lelaki warga asing berusia lingkungan 30-an dan seorang wanita warga asing berusia 18 tahun.

Menurutnya, kedua-dua suspek ditahan di pakejangan Hospital Tawau kira-kira jam 11.45 malam bagi membantu siasatan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 kerana disyaki melakukan

Waktu Solat

Insan Sabah Zuhur Asar Maghrib Isyak

Pada Hari Khamis

4:40 am	4:48 am	12:24 pm	3:46 pm	6:35 pm	7:40 pm
Bandar Seremban, Bukit Garam, Seremban,					
Temenggor, Bukit Garam dan Kembarangan (Zon II)					
4:41 am	4:49 am	12:25 pm	3:46 pm	6:35 pm	7:41 pm
Sandakan (Barat) Terusan, Beluran, Kuamut,					
Pakan, Sepilok, Tongpal dan Pongau (Zon II)					
4:42 am	4:50 am	12:26 pm	3:47 pm	6:36 pm	7:42 pm
Tambunan, Sabah, Tawau, Semporna,					
Sibulan, Lahad Datu dan Kinabalu (Zon III)					
4:43 am	4:51 am	12:27 pm	3:47 pm	6:36 pm	7:43 pm
Tawau (Barat) Beluran, Sandakan, Pulu,					
Sabah, Mentari dan Kudat (Zon IV)					
4:44 am	4:52 am	12:28 pm	3:48 pm	6:37 pm	7:44 pm
Kudat, Kota Marudu, Pitas, Pulu, Laganu (Zon V)					
4:45 am	4:53 am	12:29 pm	3:48 pm	6:37 pm	7:45 pm
Belaga, Long Pinc, Kudat, Kudat, Kudat,					
Pengapelan, Maludom, Sandakan, Sandakan,					
Tambunan, Kota Kinabalu (Zon VIII)					
4:46 am	4:54 am	12:30 pm	3:49 pm	6:38 pm	7:46 pm
Belaga, Long Pinc, Kudat, Kudat, Kudat,					
Pengapelan, Maludom, Sandakan, Sandakan,					
Tambunan, Kota Kinabalu (Zon VIII)					
4:47 am	4:55 am	12:31 pm	3:49 pm	6:38 pm	7:47 pm
Belaga, Long Pinc, Kudat, Kudat, Kudat,					
Pengapelan, Maludom, Sandakan, Sandakan,					
Tambunan, Kota Kinabalu (Zon VIII)					

Kerjasama teknologi perlu beri impak nyata kepada Sabah

Oleh Hamzah Sanudin

KOTA KINABALU:

Kerjasama teknologi di Sabah perlu menghasilkan peningkatan yang boleh diukur dari segi produktiviti, kemahiran tempatan dan peluang pekerjaan bagi memastikan sumbangannya terhadap ekonomi negeri benar-benar bermakna.

Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Panglima Masidi Manjun berkata, transformasi digital tidak seharusnya sekadar mengguna pakai teknologi tanpa matlamat yang jelas.

Namun katanya, ia perlu menyelesaikan masalah operasi sebenar dan mewujudkan nilai kepada organisasi serta masyarakat.

“Keberkesanan teknologi perlu diukur berdasarkan peningkatan dalam produktiviti, tadbir urus, kualiti perkhidmatan dan daya tahan perniagaan,”



KERJASAMA: Masidi menyaksikan pemeteraian Memorandum Perjanjian antara Sri Komputer Sdn Bhd dan Infor (Malaysia) Sdn Bhd, semalam.

katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pemeteraian Memorandum Perjanjian antara Sri Komputer Sdn Bhd dan

Infor (Malaysia) Sdn Bhd di sini, semalam.

Masidi berkata, teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), pengkomputeran awan, analitik data dan

automasi berupaya membantu perniagaan di Sabah beroperasi dengan lebih cekap, mengurus kos serta memperkukuh rantaian bekalan.

Menurutnya, teknologi berkenaan turut membolehkan organisasi membuat keputusan lebih tepat berdasarkan maklumat yang tersedia.

Bagaimanapun, beliau menegaskan proses pendigitalan perlu bergerak seiring dengan aspek keselamatan siber, perlindungan data, ketelusan, akauntabiliti dan pengawasan manusia.

“Teknologi seharusnya memperkukuh pertimbangan yang baik, bukannya menggantikannya,” katanya.

Dalam pada itu, Masidi berkata, kerjasama antara penyedia teknologi antarabangsa dan syarikat tempatan mampu menggabungkan kepakaran global dengan pengetahuan mengenai persekitaran operasi serta keperluan pelanggan di Sabah.

◆ UhatMuka7